

Submission date: 02/05/2020

Accepted date: 05/8/2020

KAJIAN PELAKSANAAN *ISTIBDĀL* BAGI TANAH-TANAH WAKAF DI MALAYSIA*A Study on the Implementation of Istibdāl for Waqf Land in Malaysia*Mohd Ridzuan Bin Mohamad
Universiti Sultan Zainal Abidin

duan_shi@yahoo.com

Abstrak

Wakaf merupakan instrumen dalam menjana ekonomi Islam. Pelbagai produk wakaf yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam memajukan hartanah wakaf seperti wakaf tunai, wakaf tanah dan sebagainya. Permasalahan kajian ini menjelaskan bahawa penjanaan wakaf dari sudut *istibdāl* masih belum terserlah pada masa kini walaupun pelaksanaannya telah lama diamalkan di peringkat MAIN. Objektif kajian ini adalah untuk memberi penjelasan terhadap kedudukan *istibdāl* sama ada dari sudut hukum syarak dan tadbir urusnya. Kajian ini bersifat kajian kualitatif kerana melibatkan penelitian analisis dokumen dan proses temu bual. Dokumen yang dirujuk iaitu Enakmen Wakaf dan keputusan jawatankuasa fatwa negeri. Manakala proses temu bual pula melibatkan pegawai MAIN yang berurusan secara langsung mengenai pelaksanaan *istibdāl*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *istibdāl* di peringkat MAIN masih berbeza antara satu sama lain dan kesannya masih belum dioptimumkan dengan sepenuhnya. Perbezaan ini adalah disebabkan keputusan jawatankuasa fatwa negeri-negeri yang membuat dasar mengenai kedudukan *istibdāl* dan keputusannya adalah mengikut acuan pelaksanaan negeri masing-masing.

Kata kunci: *Istibdāl*, Instrumen, Tanah Wakaf, Fatwa dan Hukum Syarak.**Abstract**

Waqf is one of the instruments that helps generate the Islamic economy. Various waqf products have been implemented by State Islamic Religious Council (MAIN), in order to develop waqf properties, such as waqf money (in cash form), waqf land etc. However, generating waqf from the *istibdāl* aspect is not very widely practiced currently although its implementation has been practiced at the MAIN level. This

study intends to elucidate on *istibdāl*'s position from syarak law and its implementation perspectives. This is a qualitative study that employed the document analysis and interview methods. The documents involved were the Waqf Enactment and decisions made by the respective state fatwa councils. Whereas, the interviews involved officers from the respective MAIN who were directly dealing with the implementation of *istibdāl*. The findings indicate that implementing *istibdāl* at the MAIN level differs between each state and its potential at the national level has not been fully optimised. The difference was caused by decisions made by respective state fatwa councils that adhered to their own implementation strategies.

Keywords: *Istibdāl*, Instrument, Waqf land, Fatwa and Syarak law.

PENDAHULUAN

Membangun hartanah wakaf merupakan tanggungjawab penting kepada pihak tertentu yang telah diamanahkan. Mengikut hukum syarak, tanah wakaf tidak boleh dimiliki oleh sesiapa kerana ianya merupakan hak milik Allah S.W.T secara mutlak (Zuhaili, Wahbah 2008). Oleh demikian, pihak pengawal atau pemegang amanah perlu merealisasikan seperti membangun atau memaju tanah-tanah wakaf yang masih terbiar agar ianya menepati tuntutan syarak. Wahbah Al- Zuhaili telah menjelaskan lagi bahawa pengawal atau penjaga amanah adalah dipertanggungjawabkan untuk menghidupkan tanah-tanah wakaf dengan beberapa kaedah antaranya seperti menghidupkan secara pertanian dan memajak tanah secara sewaan (Zuhaili, Wahbah 2008). Jika tanah-tanah wakaf berjaya direalisasikan, kesannya akan memberi impak positif kepada masyarakat (Djazuli, 2003).

Merujuk pandangan para ulama silam, *istibdāl* merupakan jalan terakhir bagi menyelesaikan hartanah wakaf. Menurut pandangan Ibnu Himām dalam kitabnya *Fathul Qādir* bahawa tanah wakaf yang tidak boleh dimanfaatkan seperti dirampas atau ditenggelami oleh air laut maka hendaklah digantikan dengan tanah yang lain. (Ibnu Himām, n.d). Ibnu Nujīm pula berpendapat bahawa harta wakaf tidak boleh *istibdāl* kecuali memenuhi beberapa syarat antaranya tanah tersebut ditenggelami air sehingga tidak boleh dimanfaatkan untuk pertanian, dalam keadaan tersebut hendaklah diganti dengan membeli tanah yang lain (Ibnu Nujīm, n.d). Pandangan ini selari dengan pandangan Ahmad Hūmuwi yang mensyarahkan semula kitab *Ibnu Nujīm* bertajuk '*Ghamzul Uyūni Baṣāir*' (Ahmad Hūmuwi, n.d). Ibnu Syinnah al-Thaqāfi menjelaskan pula, bahawa harta wakaf (masjid) yang uzur tidak dibenarkan dijual dan membeli dengan harta yang lain sebagai ganti (*istibdāl*) kerana dalam mazhab Syafie tidak mengharuskan menjual harta wakaf, tetapi dibolehkan pula menurut Abu Yusuf. (Ibnu Syinnah al-Thaqāfi, n.d).

Dari sudut kedudukan *istibdāl* dalam perundangan Malaysia pula, ianya adalah sebahagian daripada perbincangan mengenai kedudukan wakaf. Pada asalnya kedudukan wakaf adalah terletak hak di bawah bidang kuasa negeri dan badan yang bertanggungjawab iaitu Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Setiap Majlis Agama Islam mempunyai Enakmen Pentadbiran Negeri dan dimuatkan beberapa seksyen berkait kedudukan wakaf. Kebelakangan ini, perundangan wakaf telah diperkasakan dengan wujudnya enakmen wakaf secara khusus. Hanya lima buah negeri yang mempunyai enakmen wakaf secara komprehensif dan di dalamnya memuatkan segala perkara berkait pelaksanaan *istibdāl*. Tafsiran *istibdāl* menurut enakmen negeri-negeri iaitu pertama, Enakmen Wakaf Negeri Terengganu 2016 Seksyen 2 (d):

Istibdal ertinya menggantikan sesuatu mawquf dengan suatu harta yang lain atau wang yang mempunyai nilai yang sama atau nilai yang lebih tinggi daripada mawquf itu, dengan menukarkan, membeli, menjual atau apa-apa cara lain menurut hukum Syarak’.

Kedua, Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 Seksyen 1 (d):

Istibdal ertinya menggantikan sesuatu mawquf dengan suatu harta yang lain atau wang yang mempunyai nilai yang sama atau nilai yang lebih tinggi daripada mawquf itu, dengan menukarkan, membeli, menjual atau apa-apa cara lain mengikut hukum Syarak’.

Ketiga, Enakmen Wakaf Negeri Perak 2015 Seksyen 2 (1):

Istibdal ertinya menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, tukaran, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum syarak’.

Keempat, Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005 Seksyen 2 (1):

Istibdal ertinya menggantikan suatu mawquf dengan harta lain atau wang, atau berupa wang, yang sama dengan atau lebih tinggi nilainya daripada mawquf itu, sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut prinsip syariah.

Kelima, Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005 Seksyen 2 (1):

Istibdal ertinya menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, tukaran, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum syarak.

Berdasarkan definisi di atas, *istibdāl* merupakan *mawquf* atau harta wakaf yang telah hilang kedudukan asalnya. Ia ditukarkan dalam bentuk nilai atau mata wang. Wang atau nilai tersebut perlu diganti semula dalam bentuk *mawquf* yang lain yang

bersifat kekal sama ada tanah atau bangunan (JAWHAR, 2010). Konsep *istibdāl* yang telah dilaksanakan di peringkat MAIN sebagai mana rajah di bawah:

Rajah 1: Konsep Pelaksanaan *Istibdāl*



METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif, manakala reka bentuk kajian pula digunakan teknik penerokaan. Sebanyak 25 jenis reka bentuk kajian kualitatif yang digunakan oleh pengkaji, kesemuanya tersebut bersesuaian mengikut kajian yang dijalankan (Ghazali, 2016). Teknik penerokaan adalah suatu pembinaan idea baharu melalui kajian terhadap sesuatu topik atau perkara (Mc Nabb, 2010). Selain itu, teknik penerokaan juga adalah penciptaan suatu kaedah yang baharu dan sesuai penilaian terhadap suatu perkara yang diteliti (Azhar Harun & Nawawi Abdullah, 2004). Teknik penerokaan yang dilaksanakan juga adalah untuk mendalami makna-makna yang terkandung di dalam sesebuah dokumen (Burns, 2000). Sehubungan itu, justifikasi reka bentuk penerokaan adalah sesuai bagi kajian ini kerana melibatkan pemerhatian dokumen iaitu kitab-kitab turath dan pandangan para ulama silam. Kajian ini turut memperolehi data melalui temu bual di lapangan. Para responden adalah terdiri daripada pegawai-pegawai MAIN yang berurusan secara langsung mengenai pelaksanaan *istibdāl*. Responden yang telah dikenal pasti melalui pemberitahuan oleh pakar rujuk iaitu daripada Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji 'JAWHAR'. Teknik analisis kajian ini pula dilaksanakan dengan kaedah deduktif, induktif dan komparatif iaitu sesuai dengan protokol bagi sebuah kajian kualitatif. Objektif kajian ini menjelaskan terhadap permasalahan pembangunan tanah wakaf melalui kaedah *istibdāl* masih berada pada tahap minimum (JAWHAR, 2016). Sehubungan itu, perkara ini penting untuk diterokai agar ia memberi impak positif kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Selain itu, kajian ini juga penting untuk dijadikan

sebagai bahan rujukan dari sudut ilmiah. Ia menjadi sumber rujuk kepada para pelajar, pensyarah dan para penyelidik yang akan datang.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini akan membincangkan beberapa perkara yang penting mengenai kedudukan *istibdāl*. Pertama kedudukan keputusan jawatankuasa fatwa negeri. Setelah kajian dibuat, terdapat perbezaan antara beberapa negeri mengenai perkara ini dan ia perlu dibincangkan dari sudut kedudukannya. Kedua pelaksanaan *istibdāl* dalam konteks jualan tanah wakaf di peringkat MAIN. Perkara ini amat penting untuk dikaji kerana jualan tanah wakaf menjadi suatu pemerhatian oleh pihak masyarakat. Namun demikian, apabila konsep *istibdāl* dilaksanakan ke atas tanah wakaf yang dijual maka sebenarnya ia berada pada dasar yang betul. Walau bagaimana pun, pelaksanaan ini masih berbeza di peringkat MAIN. Maklumat atau data yang diperolehi adalah berdasarkan kepada proses temu bual secara ‘tidak berstruktur’ dalam kalangan pegawai MAIN. Ketiga kedudukan pembangunan tanah wakaf melalui pelaksanaan *istibdāl* di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 (Akta 486). Berdasarkan data yang diperolehi, kebanyakan tanah-tanah wakaf telah terlibat di bawah akta ini. Justeru pihak kerajaan akan membayar kepada MAIN sebagai wang pampasan dan wang tersebut pihak MAIN akan membangunkan semula tanah-tanah wakaf daripada hasil terimaan wang tersebut. Ketiga perkara ini akan dibincangkan sebagaimana di bawah:

Perbezaan Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri

Merujuk keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke-19 bertarikh 21 Mac 2016 iaitu membenarkan penyerahan tanah wakaf dengan syarat perlu diistibdalkan iaitu:-

Cadangan untuk penyerahan balik (*surrender*) tanah-tanah wakaf bagi tujuan pembangunan hartanah wakaf adalah dibenarkan dengan syarat ianya perlu diistibdāl

Keputusan di atas selaras dengan keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-46 bertarikh 22 April 1999 iaitu:-

‘Tanah wakaf yang diambil / dipindah milik kepada kerajaan hendaklah dibayar pampasan mengikut nilai tanah yang diambil atau menggantikan dengan tanah yang setara atau yang lebih baik nilainya’

Kedua keputusan ini adalah berbeza dengan keputusan jawatankuasa fatwa yang lain iaitu membenarkan serahan tanah wakaf tanpa melaksanakan proses *istibdāl*, perkara ini merujuk keputusan Jawatankuasa Negeri Selangor Kali Ke-3 bagi tahun 2014 iaitu:-

‘Setelah meneliti setiap pandangan ahli mesyuarat dan hujjah-hujjah yang dikemukakan, maka mesyuarat memutuskan harus diserahkan sebahagian tanah wakaf yang dibangunkan oleh MAIS kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tujuan kegunaan awam dan kesejahteraan penduduk’.

Rumusannya, kesan daripada perbezaan keputusan jawatankuasa fatwa negeri-negeri ini akan memberi impak yang berbeza dari sudut pengurusan. Peranan bagi institusi fatwa khususnya di Malaysia mempunyai perkara yang unit iaitu berlakunya ketidakseragaman. Ini terjadi kerana dasar perundangan telah memberi ruangan kepada institusi tersebut iaitu keputusan yang dibuat tidak terikat antara negeri-negeri yang lain (Othman Ishak, 1981). Sejak penubuhan institusi fatwa, keputusan yang dibuat antara negeri-negeri kebanyakan adalah berbeza jika dibandingkan sudut persamaannya (Zulfaqar Mamat, 2013) Mengikut sejarahnya, perbezaan berlaku sejak sekian lama, justeru itu ke arah membentuk kefahaman secara saksama pihak kerajaan telah menubuhkan sebuah badan penyelarasan iaitu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada tahun 1968, seterusnya ditubuhkan pula Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (Mohadis Yasin, 2007). Dalam konteks yang lain, tidak sekadar berlaku perbezaan keputusan terhadap sesuatu hukum namun perbezaan juga terjadi terhadap pelantikan mufti, kelayakan ahli jawatankuasa fatwa, jumlah jawatankuasa dan pemakaian dasar perundangan iaitu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Hasnan Kasan, 2001). Namun demikian, penubuhan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan sebagai badan penyelarasan namun ia tidak memberi impak pengurangan terhadap keputusan perbezaan fatwa negeri-negeri (Mizaizam Yahya, 2018)

Pelaksanaan *Istibdāl* Majlis Agama Islam Negeri-Negeri

Pelaksanaan *istibdāl* merupakan suatu perkara penting terhadap pembangunan tanah wakaf. Pada tahun 2010, pihak JAWHAR telah mengeluarkan sebuah buku panduan mengenai ‘Pelaksanaan *Istibdāl* Tanah Wakaf’ sebagai rujukan kepada MAIN. Salah satu yang dibincangkan iaitu kedudukan tanah-tanah wakaf yang tidak produktif. Dalam keadaan tersebut tanah wakaf boleh dijual dengan digantikan dengan tanah yang lain yang lebih komersial dan ekonomik. Mengikut teori yang dikemukakan dalam buku tersebut merupakan sebuah teori yang efektif terhadap pemerksaan tanah wakaf. Namun demikian, setelah perkara ini dilihat semula dari sudut lapangan iaitu dengan menemubual pegawai-pegawai MAIN yang terlibat secara langsung terhadap pelaksanaan *istibdāl* ianya mempunyai jawapan yang berbeza. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu tidak menggalakkan menjual tanah wakaf walaupun sebagai salah satu mekanisme *istibdāl* (Fatimah Harun, 2019) dan pelaksanaan ini adalah sama sebagai mana di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Fakhrudin Abd Rahman, 2019). Majlis Agama Islam Negeri Kedah pula melaksanakan proses


jualan tanah wakaf dengan mengambil kira proses *istibdāl* yang dilaksanakan adalah lebih baik (Syeikh Fahkrudin, 2019), proses ini sama kedudukannya dengan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Syakira Mohamad, 2019). Manakala Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang masih tidak menggunakan proses jualan tanah wakaf dengan mengambil kira beberapa halangan di peringkat jabatan tersebut (Izhar Ahmad, 2019). Majlis Agama Islam Negeri Perak pula tidak menilaikan mana-mana tanah wakaf yang tidak berpotensi, dengan kaitan ini maka tiada jualan tanah-tanah wakaf sebagai proses *istibdāl* (Wan Maizura, 2019). Bagi Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pula menggunakan kaedah jualan tanah wakaf sebagai proses *istibdāl* jika sekiranya tanah tersebut dinilai tanah yang sukar dibangunkan (Azmi Bin Misron, 2019). Manakala Majlis Agama Islam Negeri Johor pula tidak melaksanakan jualan tanah wakaf kerana masih tiada keperluan lagi terhadap pelaksanaan tersebut (Rilizam Rosli, 2019). Kedudukan dapatan ini dirumuskan dalam jadual di bawah iaitu:

Jadual 1: Pelaksanaan *Istibdāl* (Kaedah Jualan Tanah)

Bil	MAIN (Negeri)	Proses <i>Istibdāl</i>	Singkatan
1	MAIDAM (Terengganu)	Tidak digalakkan	T.G
2	MAINPP (Pulau Pinang)	Tidak digalakkan	T.G
3	MUIP (Pahang)	Tidak melaksanakan	T.M
4	MAIPk (Perak)	Tidak melaksanakan	T.M
5	MAIJ (Johor)	Tidak melaksanakan	T.M
6	MAIK (Kedah)	Melaksanakan	M
7	PWS (Selangor)	Melaksanakan	M
8	MAIK (Kelantan)	Melaksanakan	M

Merujuk jadual 1 di atas, lapan buah negeri yang telah memberi respons bagi pelaksanaan *istibdāl* melalui kaedah jualan tanah wakaf. Mengikut responden yang diperolehi, data ini menunjukkan tiga kategori statusnya iaitu ‘Tidak digalakkan’ menurut Negeri Terengganu dan Pulau Pinang, manakala ‘Tidak melaksanakan’ menurut Negeri Pahang, Johor dan Perak. Seterusnya ‘Melaksanakan’ menurut Negeri Selangor, Kedah Dan Melaka. Sehubungan itu, dapatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan proses *istibdāl* adalah berbeza antara satu sama lain dan peratusan sebagai mana berikut:

Rajah 2: Nisbah Pelaksanaan *Istibdāl* (Kaedah Jualan Tanah) Mengikut Negeri-Negeri



Merujuk rajah di atas, kedudukan peratusan pelaksanaan ini iaitu 37.5% adalah negeri yang melaksanakan. Ia mempunyai persamaan dengan negeri yang tidak melaksanakan iaitu 35.5%. Manakala peratusan ketiga iaitu negeri yang tidak menggalakkan pelaksanaan *istibdāl* sebanyak 25%. Kedudukan keseluruhan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan di peringkat MAIN masih tidak seimbang sehingga ianya berlaku pada tiga tahap. Kesan daripada perbezaan ini, pihak JAWHAR sebuah institusi wakaf di peringkat persekutuan telah mewujudkan sebuah buku panduan mengenai pelaksanaan ini iaitu ‘Manual Pengurusan Istibdāl’ iaitu sejak pada tahun 2010 lagi. Buku ini adalah bermatlamatkan untuk pelaksanaan *istibdāl* ke arah penyelarasan secara saksama di antara MAIN.

Pembangunan Tanah Wakaf Melalui Kaedah *Istibdāl*

Pembangunan hartanah wakaf masih berada pada tahap yang minimum melalui proses *istibdāl* di peringkat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Proses yang dilaksanakan pembangunan *istibdāl* ini dilaksanakan kepada dua kategori iaitu pertama, *istibdāl* tanah dan kedua *istibdāl* bangunan. Setiap negeri adalah berbeza sudut pelaksanaan tersebut iaitu ada dilaksanakan *istibdāl* tanah dan terdapat juga *istibdāl* dengan bangunan. Senarai di bawah menunjukkan pelaksanaan *istibdāl* tanah wakaf yang telah dilaksanakan di peringkat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN):

Jadual 2: Tanah-tanah wakaf yang telah diistibdālkan (YWM, 2016)

Bil	Negeri	Keterangan Tanah Wakaf
1	Terengganu	Lot H.S.D 10486-10490 PT 4299-4303 Mukim Bandar Lot 1262 GM 183 Mukim Cukai
2	Selangor	Lot 6684 Telok Gadong, Klang
3	Wilayah Persekutuan	Lot 168-169 Jalan Perak Lot 107 Jalan Raja Muda
4	Melaka	Lot 233 Mukim Bandar Lot 137 Mukim Duyong
5	Johor	lot PTD 84437 Mukim Terberau

Berdasarkan jadual di atas, keseluruhan negeri telah terlibat dengan pelaksanaan *istibdāl*. Namun pelaksanaan tersebut adalah melibatkan pengambilan tanah wakaf di bawah Akta 486 iaitu ‘Akta Pengambilan Balik Tanah 1960’. Selain pelaksanaan di bawah akta ini iaitu seperti jualan tanah adalah berbeza di peringkat MAIN iaitu sebagaimana merujuk pada jadual 1 dan rajah 2 di atas. Implikasi ini iaitu pihak MAIN akan membangunkan semula tanah wakaf iaitu membeli aset-aset daripada wang pampasan yang dibayar oleh Pihak Berkuasa Negeri ‘PBN’ setelah pihaknya mengambil mana-mana tanah wakaf. Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa tanah-tanah wakaf tersebut telah pun diambil oleh pihak kerajaan untuk tujuan pembangunan tertentu. Namun demikian, pihak MAIN tetap membangunkan semula tanah-tanah wakaf melalui mekanisme *istibdāl*.

KESIMPULAN

Istibdāl mempunyai peranan penting terhadap pembangunan tanah-tanah wakaf khususnya di negara ini. Namun demikian, ia masih mempunyai perbezaan dari sudut kedudukan keputusan jawatankuasa fatwa negeri-negeri. Walau bagaimana pun, perbezaan tersebut tidak menjadi halangan di peringkat MAIN untuk memajukan tanah-tanah wakaf melalui kaedah *istibdāl*. Dari sudut pelaksanaan, ia juga masih mempunyai perbezaan khususnya bagi kedudukan *istibdāl* melalui kaedah jualan tanah wakaf. Terdapat negeri yang melaksanakan, tidak melaksanakan dan juga tidak menggalakkan. Manakala *istibdāl* di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, kebanyakan negeri terlibat iaitu tanah-tanah wakaf telah diambil oleh pihak kerajaan untuk tujuan pembangunan. Namun bayaran pampasan tersebut menjadi instrumen penting kepada pihak MAIN untuk melaksanakan *istibdāl*.

RUJUKAN

- Ahmad Ḥumuwi, Ahmad Bin Muhammad Makki. (N.d). *Ghamzul uyūni baṣāir*’ (1st ed. Vol. 2). Beirut: Dār al-Kutub.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2008). *Fiḥu al-Islam wa al-adillah* (6th ed., vol. 8). Damsyik: Dār al-Fikr.
- Burns, R. (2000). *Research Introduction to Research Methos*’ (1st. ed.). London: Sage Publication Ltd.
- Djuzali. (2003). *Fiḥ siyasah: Implementasi kemaslahatan umat dalam rumbu-rumbu syariah* (1st. ed.). Jakarta: Prenda Media Group.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan*’ (2nd ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Unversiti Malaya.
- Hasnan Kasan. (2001). Istitusi fatwa dalam perundangan negara: Satu penilaian menurut siyasah syar’iyyah’. *Jurnal Pengajian Umum UKM*, 1. 37-64.
- Ibnu Himām, Muhammad Bin Abdul Wāhid. (N.d). *Faḥul qādir (Syarḥul ḥidāyah*, vol. 6). Kaherah: Dār al-Fiqr.
- Ibnu Nujīm, Zainuddin Ibnu Ibrahim. (N.d). *Al-Asy bāh wa al-nazāir a’la-mazhabi Ibi Hanifah* (1st ed.). Beirut: Dār al-Kutub.
- Ibnu Syinnah al-Thaqāfi, Ahmad Bin Muhammad. (N.d). *Lisānul aḥkām fi ma’rifati aḥkām* (1st ed.). Kaherah: N.p.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji ‘JAWHAR’ & Yayasan Wakaf Malaysia ‘YWM’. (2016). *Pelan induk transformasi pembangunan harta tanah wakaf di Malaysia* (1st. ed.). Selangor: Firdaus Press Sdn Bhd.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji ‘JAWHAR’. (2010). *Kompilasi hukum dan fatwa berkaitan wakaf, zakat, haji & sumber am*’ (1st ed.). Selangor: Najjah One Trading & Services.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji ‘JAWHAR’. (2010). *Manual pengurusan istibdāl wakaf*, ed 1. Selangor: Najjah One Trading & Services.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji ‘JAWHAR’. (2009). *Manual pengurusan tanah wakaf*’ (2nd. Ed.). Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd.
- Mohadis Yasin. (2007). *Pengurusan & penyelasan fatwa: Dan cabaran di Malaysia*’. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa JPPF*, 1, 126-137.
- Mizaizam Yahya. (2018). Penyelesaian fatwa di antara negeri dengan persekutuan: Satu analisis sorotan terhadap penyelidikan di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 11, 59-76.
- Othman Ishak. (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam* (1st. ed.). Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Zulfaqar Mamat. (2013). ‘Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri: Satu Analisis Persamaan Dan Perbezaan Fatwa Tahun 2000-2009’ *IJMS*, Volume 2, hlm 129-148).